



BULETIN MBSP

BIL 3/2019





Majlis Bandaraya Seberang Perai



BULETIN M B S P

BIL 3/2019





BULETIN MBSP BIL 3/2019



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
(DATUK BANDAR)**

PENASIHAT

**PUAN Ir HJH ROSNANI BINTI HAJI MAHMUD
(SETIAUSAHA BANDARAYA)**

KETUA EDITOR

PUAN NORHAYATI BINTI SULAIMAN

EDITOR

**NUR HIDAYAH BINTI MOHD IDRIS
JAWATANKUASA BULETIN MPSP**

JURUGAMBAR

**ENCIK MOHD FAIZ BIN ABDUL HALIM
ENCIK MOHD FAKHREES BIN MOHD ALI**

ISI KANDUNGAN

- 1.** MAJLIS PELANCARAN HALA TUJU STRATEGIK KE ARAH BANDARAYA SEBERANG PERAI YANG MAMPAN DAN LESTARI & MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH ASPIRING SEBERANG PERAI *PHOTOGRAPHY AWARDS 2019*
- 2.** MAJLIS PERASMIAN PENCAHAYAAN TAMAN "UP - CYCLE"
- 3.** PROGRAM HOUSING DEMOCRACY & PAMERAN KERJAYA MBSP
Housing Democracy Programme & MBSP Career Fair
- 4.** CERAMAH PERDANA SEMPENA SAMBUTAN HARI BANDARAYA MBSP
- 5.** PROGRAM HARI WARISAN BERSEMPENA PENAIKTARAFAN SEBERANG PERAI SEBAGAI BANDAR RAYA
Heritage Day Programme in conjunction with Seberang Perai's Upgarde as a City
- 6.** PROGRAM TEMASYA BANDARAYA
City Games Programme
- 7.** MAJLIS PENAMAAN MENARA BANDARAYA MBSP
- 8.** MAJLIS PELANCARAN "NO PLASTIC STRAW" & ANUGERAH "COMMUNITY GREEN WARRIOR"
- 9.** MAJLIS PERASMIAN RUANG MEDIA MBSP
- 10.** PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) SEMPENA KARNIVAL JOM HEBOH PENANG 2019
Corporate Social Responsibility (CSR) Programme in conjunction with Penang 2019 Jom Heboh Carnival
- 11.** PERASMIAN PAUN SIMPANAN HAIWAN MBSP DAN PROGRAM PEMANDULAN ANJING & PENDIDIKAN HAIWAN KESAYANGAN MBSP BERSAMA UMK DAN KOMUNITI
The Opening of MBSP Animal Shelter and MBSP Dog Sterilization and Pet Education Programme with UMK and Community
- 12.** PERASMIAN PENJANAAN SISTEM SOLAR ANUGERAH SEKOLAH HIJAU SMK BERAPIT
Opening of SMK Berapit Green School Award Solar System Generation
- 13.** MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN 2018/2019
Sustainable Community Awards Presentation Ceremony 2018/2019

ISI KANDUNGAN

14. **PROGRAM PUSKIDZANIA**
PUSKIDZANIA Programme
15. **PROGRAM DIGITAL@SEBERANG PERAI & PELANCARAN CYBER COUNTER**
Digital@Seberang Perai Programme & Launching of Cyber Counter
16. **PROGRAM I LOVE PENANG RUN – SEBERANG PERAI 2019**
17. **PROGRAM PENANAMAN POKOK SEMPENA PEMASYHURAN BANDARAYA**
Tree Planting Programme in conjunction with City Promotion
18. **PERASMIAN KAMPUNG UPCYCLE KAMPUNG PERMATANG NIBONG**
Opening Ceremony of Kampung Permatang Nibong Upcycle Village
19. **PENGIKTIRAFAN KEPADA AGENSI YANG TERLIBAT DENGAN BANTUAN BENCANA BANJIR NOVEMBER 2017**
Recognition of Agencies Involved in November 2017 Flood Relief
20. **KEJOHANAN PIALA DATUK BANDAR**
Mayor's Cup Championship
21. **PROGRAM RIADAH YBHG. DATUK BANDAR BERSAMA AHLI MAJLIS DAN KETUA - KETUA JABATAN MBSP SEMPENA PEMASYHURAN BANDARAYA, MBSP DI HUTAN LIPUR BUKIT MERTAJAM, CHEROK TO'KUN, BUKIT MERTAJAM**
22. **MAJLIS CABUTAN BERTUAH DAN PENYAMPAIAN HADIAH SEMPENA PROMOSI CUKAI TAKSIRAN PENGGAL KEDUA 2019**
Lucky Draw and Gift Presentation in Conjunction with 2019 Second Term Assessnebt Rates Promotion
23. **"SOFT LAUNCH MBSP ECO CORRIDOR"**
24. **PELANCARAN AMALAN SISA SIFAR TAMAN PERUMAHAN BAGAN LALANG**
Launching of Taman Bagan Lalang Zero-Waste Management Practice
25. **MAJLIS PENUTUP PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**
Closing Ceremony of the Mind Transformation Programme
26. **MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN PENDIDIKAN HIJAU DIGITAL SEKOLAH PIALA DATUK BANDAR**

ISI KANDUNGAN

- 27.** MAJLIS PERASMIAN PERAYAAN ULANG TAHUN KE-2 GROWTH COMMUNITY MARKET AUTO CITY, JURU

- 28.** MAJLIS PERASMIAN PENJANAAN SISTEM TENAGA SOLAR ANUGERAH SEKOLAH HIJAU SEKOLAH KEBANGSAAN KEBUN SIREH
Opening Ceremony of Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh Green School Award Solar Energy System Generation

- 29.** MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH ANUGERAH SEKOLAH HIJAU 2019

- 30.** MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN KUIZ KUALITI AIR SEKOLAH MENENGAH DI SEBERANG PERAI
Prize Giving Ceremony of Secondary School's Water Quality Quiz Contest in Seberang Perai

- 31.** SAMBUTAN KITAR SEMULA KEBANGSAAN PERINGKAT SEBERANG PERAI
National Recycling Celebration at Seberang Perai Level

- 32.** PERTANDINGAN SNUKER MBSP TERTUTUP 2019
2019 MBSP Snooker Closed Tournament

- 33.** MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN KEBUN KEJIRANAN SEBERANG PERAI
Prize Giving Ceremony of Seberang Perai Neighborhood Gardening Contest

- 34.** MAJLIS BAGI MERAIKAN PENCAPAIAN ANUGERAH YANG DITERIMA OLEH MBSP TAHUN 2019
Ceremony to Celebrate Awards Achievement Received by MBSP in Year 2019

- 35.** PROGRAM LAMAN KOMUNITI SATU BAYI SATU POKOK
One Baby, One Tree Community Programme

- 36.** MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN HALAMAN RUMAH BERSIH & INDAH PERMATANG NIBONG 2019
Prize Giving Ceremony of Permatang Nibong Clean & Beautiful Home Yard Contest

MAJLIS PELANCARAN HALA TUJU STRATEGIK KE ARAH BANDARAYA SEBERANG PERAI YANG MAMPAN DAN LESTARI & MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH ASPIRING SEBERANG PERAI PHOTOGRAPHY AWARDS 2019



MAJLIS PERASMIAN PENCAHAYAAN TAMAN "UP - CYCLE"



PROGRAM HOUSING DEMOCRACY & PAMERAN KERJAYA MBSP

Sempena pengisytiharan bandaraya, Majlis Bandaraya Seberang Perai telah mengadakan Program Housing Democracy. Program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada kakitangan MBSP memiliki kediaman sendiri dan lebih memfokuskan kakitangan dari golongan B40. Dalam masa yang sama, MBSP turut menganjurkan Pameran Kerjaya untuk memberi peluang kerjaya kepada orang awam bagi mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan. Penganjuran kedua-dua program adalah berteraskan tema People Centric yang merangkumi semua aspek komuniti dan pekerja MBSP. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh (Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa).



HOUSING DEMOCRACY PROGRAMME & MBSP CAREER FAIR



In conjunction with the city declaration, the Seberang Perai City Council organized a Housing Democracy Programme. The programme aimed to provide MBSP staffs with their own homes and was more focused on the B40 staff. At the same time, MBSP also organized a Career Fair to provide public with career opportunities to fill the vacancies offered. The theme of organizing the programmes was People Centric which covers all aspects of the MBSP community and employees. The opening ceremony was officiated by YB Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh (Exco Housing, Local Government and Town & Country Planning).



CERAMAH PERDANA SEMPENA SAMBUTAN HARI BANDARAYA MBSP

MYDIN BUKIT MERTA JAM



MYDIN KEPALA BATAS



PROGRAM HARI WARISAN BERSEMPENA PENAIKTARAFAN SEBERANG PERAI SEBAGAI BANDARAYA



Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) buat julung kalinya menganjurkan program Hari Warisan bersempena penaiktarafan Seberang Perai sebagai bandar raya berkuatkuasa 16 September lalu.

Setiasaha Bandarayanya, Ir. Rosnani Mahmod berharap agar penganjuran program berkenaan dapat dimanfaatkan oleh orang ramai khususnya generasi muda untuk mempelajari serta menghayati sejarah dan warisan di Seberang Perai.



HERITAGE DAY PROGRAMME IN CONJUNCTION WITH SEBERANG PERAI'S UPGARDE AS A CITY

The Seberang Perai City Council (MBSP) is the first to organize a Heritage Day programme in conjunction with Seberang Perai's upgrade as a city effective September 16th, 2019.

Its City Secretary, Ir. Rosnani Mahmod hoped that the organization of the program will benefit the people, especially the younger generation, to learn and appreciate the history and heritage of Seberang Perai.



PROGRAM TEMASYA BANDARAYA



Datuk Bandar MBSP, YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud telah merasmikan program Temasya Bandaraya bertempat di Lorong Bagan Luar, Butterworth. Program ini adalah acara bulanan yang dianjurkan oleh Unit Butterworth Baharu MBSP bersama Think City dan Zart Eventive. Tema bulan ini adalah bersempena dengan pengisytiharan Seberang Perai sebagai bandaraya.

Datuk Bandar semasa dalam ucapannya mengumumkan bandar Butterworth akan dijadikan sebagai zon budaya di Seberang Perai. Dalam masa yang sama MBSP juga akan mengiktiraf usaha-usaha seni oleh para seniman di Seberang Perai dalam mempromosikan Seberang Perai di peringkat antarabangsa. Turut hadir dalam program ini YB Satees A/L Muniandy (Adun Bagan Dalam), Ahli Majlis dan Setiausaha Bandaraya.




CITY GAMES PROGRAMME

Mayor of MBSP, YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud officiated the City Games Programme at Lorong Bagan Luar, Butterworth. The programme is a monthly event hosted by MBSP New Butterworth Unit in partnership with Think City and Zart Eventive. This month's theme was in conjunction with Seberang Perai's declaration as a city.

The mayor in his speech announced that the town of Butterworth would become a cultural zone in Seberang Perai. At the same time MBSP will also recognize the artistic efforts by artists in Seberang Perai in promoting Seberang Perai at internationally level. Also present at the programme were YB Satees A/L Muniandy (Assemblyman of Bagan Dalam), councilors and City Secretary.



MAJLIS PENAMAAN MENARA BANDARAYA MBSP



MAJLIS PELANCARAN "NO PLASTIC STRAW" & ANUGERAH "COMMUNITY GREEN WARRIOR"



MAJLIS PERASMIAN RUANG MEDIA MBSP



PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) SEMPENA KARNIVAL JOM HEBOH PENANG 2019

Bersempena dengan Karnival Jom Heboh Penang 2019, pihak Media Prima Berhad dan Western Digital dengan kerjasama MBSP telah menganjurkan satu Program Tanggungjawab Sosial (CSR) yang diadakan Taman Upcycle Bandar Perda. Matlamat program ini adalah untuk menyemai rasa tanggungjawab dan meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi alam sekitar di samping mengamalkan gaya hidup sihat. Pelbagai aktiviti diadakan seperti Demo Recycle dan Upcycle, penanaman pokok, pelepasan anak ikan, dan permainan tradisional. Hadir sama ke program ini YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Mohamud (Datuk Bandar MBSP), YBhg. Datuk Syed Hussian Aljunid (Pengerusi Media Prima Berhad), para pegawai kanan dari MBSP, Media Prima, Western Digital dan personaliti jemputan.



CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) PROGRAMME IN CONJUNCTION WITH PENANG 2019 JOM HEBOH CARNIVAL

In conjunction with the Penang 2019 Jom Heboh Carnival, Media Prima Berhad and Western Digital in collaboration with MBSP have organized a Social Responsibility (CSR) Programme held at the Bandar Perda Upcycle Park. The goal of the programme was to instill a sense of responsibility and raise awareness among the community to protect the environment while maintaining a healthy lifestyle. Various activities including Demo Recycle and Upcycle, tree planting, baby fish release, and traditional games. Also attended at the programme were YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Mohamud (MBSP Mayor), YBhg. Datuk Syed Hussian Aljunid (Chairman of Media Prima Berhad), senior officials from MBSP, Media Prima and Western Digital as well as personalities invited.



PERASMIAN PAUN SIMPANAN HAIWAN MBSP DAN PROGRAM PEMANDULAN ANJING & PENDIDIKAN HAIWAN KESAYANGAN MBSP BERSAMA UMK DAN KOMUNITI



Datuk Bandar MBSP YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamad telah merasmikan Paun Simpanan Haiwan MBSP bertempat di Taman Perindustrian Ringan Usahawan Permatang Tinggi. Paun ini digunakan untuk menyimpan haiwan berkeliaran yang ditangkap MBSP. Ia dilengkapi dengan pejabat, klinik pemandulan, stor, tandas dan kandang haiwan.

Dalam majlis yang sama, turut diadakan Program Pemandulan Anjing dan Pendidikan Haiwan Kesayangan MBSP bersama komuniti. Program ini melibatkan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang dan Persatuan Haiwan Pulau Pinang. Objektif program ini adalah untuk memberi kesedaran dan kefahaman kepada pemilik haiwan kesayangan mengenai cara pemeliharaan yang betul serta mengikut undang-undang. Hadir sama ke majlis ini Ahli Majlis MBSP, Setiausaha Bandaraya, wakil dari JPVPP dan UMK.



THE OPENING OF MBSP ANIMAL SHELTER AND MBSP DOG STERILIZATION AND PET EDUCATION PROGRAMME WITH UMK AND COMMUNITY



Mayor of MBSP, YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamad unveiled the MBSP Animal Shelter located at Taman Permatang Light Industrial Park. This shelter is used to keep stray animals caught by MBSP. It is equipped with office, sterilization clinic, store, toilet and barn.

At the same event, the MBSP also had Dog Sterilization and Pet Education Programme with the community. The programme was in collaboration with the University of Kelantan Malaysia, Department of Penang Veterinary Services and Penang Animal Association. The objective of this programme was to provide awareness and understanding to pet owners about proper and lawful pet keeping. Also present at the event were MBSP councilors, City Secretary and representatives from JPVPP and UMK.



PERASMIAN PENJANAAN SISTEM SOLAR ANUGERAH SEKOLAH HIJAU SMK BERAPIT



Datuk Bandar MBSP, YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud telah merasmikan Majlis Penjanaaan Sistem Solar Anugerah Sekolah Hijau di SMK Berapit, Bukit Mertajam. Pemasangan sistem solar ini adalah sebagai hadiah kemenangan kepada SMK Berapit kerana menjadi johan dalam Anugerah Sekolah Hijau tahun 2018. Hadiah telah ditaja oleh syarikat Jinko Solar manakala kos pemasangan dibiayai oleh syarikat Pekat Solar. Sumbangan ini memberi peluang kepada para pelajar mempelajari secara praktikal berkaitan tenaga yang boleh diperbaharui di samping dapat mengurangkan kos penjanaaan tenaga di sekolah.

Hadir sama ke majlis ini wakil dari syarikat Jinko Solar dan Pekat Solar, Pengetua SMK Berapit, Yang Dipertua PIBG SMK Berapit, Ahli Majlis MBSP, Setiausaha Bandaraya dan para guru.



OPENING OF SMK BERAPIT GREEN SCHOOL AWARD SOLAR SYSTEM GENERATION



Mayor of MBSP, YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud officiated at the Green School Awards Solar System Generation Ceremony at SMK Berapit, Bukit Mertajam. The installation of this solar system is a prize for SMK Berapit as the winner of the Green School Award in 2018. The prize was sponsored by Jinko Solar company while installation costs was funded by Pekat Solar company. This contribution provided opportunity for students to learn practically about renewable energy while reducing the cost of energy generation in school.



Also present at the event were representatives from Jinko Solar and Pekat Solar companies, principal of SMK Berapit, president of PIBG SMK Berapit, MBSP councilors, City Secretary and teachers.

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN 2018/2019



Anugerah Komuniti Mampan ini ialah untuk memberikan pengiktirafan kepada inisiatif dan pencapaian komuniti yang cemerlang dalam menambah baik kualiti alam dan persekitaran. Program ini adalah anjuran bersama MBSP dengan syarikat Amphenol TCS selaku penaja selama 2 tahun berturut-turut. Sebanyak 15 daripada 22 komuniti telah berjaya dan menerima hadiah berupa wang tunai dan sijil. Pusat Sumber Alam Sekitar SPU telah menjadi johan dengan membawa pulang hadiah sebanyak RM3000. Tempat kedua dimenangi oleh Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah dengan hadiah wang tunai sebanyak RM2500 manakala Perbadanan Pengurusan Taman Pandan Butterworth mendapat tempat ketiga dengan hadiah sebanyak RM2000. Hadiah telah disampaikan oleh Datuk Bandar MBSP, YBhg. Dato' @srrozali. Hadir sama YBhg. Dato' Lee Teong Li (Pengurus Kumpulan Amphenol TCS Malaysia Sdn. Bhd.), Ahli Majlis MPSP, Setiausaha Bandaraya dan wakil komuniti.

SUSTAINABLE COMMUNITY AWARDS PRESENTATION CEREMONY 2018/2019



The Sustainable Community Award was to recognize outstanding community initiatives and achievements in improving the quality of nature and the environment. The programme is jointly organized by MBSP with Amphenol TCS company as sponsor for 2 consecutive years. A total of 15 out of 22 communities succeed and received cash prizes and certificates. Environmental Resources Center won first place and took home the prize of RM 3,000. Second place was won by the Kepala Gajah Resident Organization with a cash prize of RM 2,500 while Butterworth Taman Pandan Management Body came in third place with a prize of RM 2,000. The prizes were presented by Mayor of MBSP, YBhg. Dato' Sr Rozali. YBhg. Dato' Lee Teong Li (Manager of Amphenol TCS Malaysia Sdn. Bhd.), MBSP councilors, City Secretary and community representatives attended the ceremony as well.



PROGRAM PUSKIDZANIA



Program ini diinspirasi oleh Jabatan Kejuruteraan MBSP bagi memberi pendedahan yang lebih mendalam tentang ilmu mekanikal secara amnya dan automotif secara khususnya di samping memberi gambaran sebenar bagaimana fungsi bengkel kenderaan MBSP. Program yang diadakan di Pusat Servis Kenderaan Berat MBSP (PUSKEB) ini melibatkan semua lapisan masyarakat dari semua peringkat. Beberapa pengisian terdapat dalam program ini iaitu Simulasi Kenderaan, Kaji Selidik dan Pameran Kenderaan Dan Mesin Mekanikal. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Datuk Bandar MBSP, YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud. Hadir sama Ahli Majlis MBSP, Setiausaha Bandaraya, pegawai kanan MBSP dan para peserta program.



PUSKIDZANIA PROGRAMME

This programme was inspired by the MBSP Engineering Department to provide a more in-depth exposure to mechanical knowledge in general and specifically automotive, while providing an accurate picture of how the MBSP vehicle workshop functions. The programme was held at the MBSP Heavy Vehicle Service Center (PUSKEB), engaging people from all walks of life. Some of the content available in this programme were Vehicle Simulation, Vehicle and Mechanical Machines Research and Exhibition. The opening ceremony was officiated by the Mayor of MBSP, YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud. Also present were MBSP councilors, City Secretaries, MBSP senior officials and programme participants.



PROGRAM DIGITAL@SEBERANG PERAI & PELANCARAN CYBER COUNTER




YB Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh (Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa) telah merasmikan Program Digital@Seberang Perai dan Pelancaran Cyber Counter di Mydin Mall Kepala Batas. Ianya merupakan program pertama yang dilaksanakan oleh MBSP dalam memberi peluang kepada penglibatan penduduk dan memberi pendedahan komuniti terhadap teknologi baru yang dilaksanakan MBSP sejajar dengan usaha Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri Pintar.

DIGITAL@SEBERANG PERAI PROGRAMME & LAUNCHING OF CYBER COUNTER



YB Tuan Jagdeep Singh Deo A / L Karpal Singh (Exco of Housing, Local Government and Town & Country Planning) officiated the Digital@Seberang Perai Programme and Launching of Cyber Counter at Mydin Mall, Kepala Batas. It was the first programme implemented by MBSP to provide opportunities for community involvement and to expose the community to new technologies implemented by MBSP in line with the efforts of the State Government to make Penang a Smart State.



PROGRAM I LOVE PENANG RUN – SEBERANG PERAI 2019



PROGRAM PENANAMAN POKOK SEMPENA PEMASYHURAN BANDARAYA



Sebanyak 5555 batang pokok telah ditanam serentak di tapak Setia Fontaines Bertam dan kawasan-kawasan lapang di seluruh Seberang Perai. Keseluruhan pokok yang ditanam adalah sumbangan dari Ahli Majlis dan syarikat swasta. Tajaan sebanyak RM10,000 juga turut disumbangkan United Nation Development Programme (UNDP) kepada MBSP. Program ini sejajar dengan misi MBSP dalam menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah Bandaraya Rendah Karbon menjelang 2022. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Ir Zakiyuddin Bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang.

TREE PLANTING PROGRAMME IN CONJUNCTION WITH CITY PROMOTION

A total of 5555 trees were planted simultaneously at the Setia Fontaines Bertam site and in open areas throughout Seberang Perai. All the trees planted were donation from councilors and private companies. Sponsorship of RM 10,000 was also donated by the United Nation Development Program (UNDP) to MBSP. The programme was in line with MBSP's mission to make Seberang Perai a Low Carbon City by 2022. The opening ceremony was officiated by YB Dato' Ir Zakiyuddin bin Abdul Rahman, Penang Deputy Chief Minister I.



PERASMIAN KAMPUNG UPCYCLE KAMPUNG PERMATANG NIBONG

Datuk Bandar MBSP, YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud menyempurnakan perasmian Kampung Upcycle Permatang Nibong. Kampung ini merupakan Kampung Upcycle yang pertama di Seberang Perai. Pengiktirafan ini secara langsung menjadikan Kampung Permatang Nibong sebagai contoh bukan sahaja kepada warga Seberang Perai malah 'showcase' kepada delegasi yang berkunjung ke Seberang Perai.



OPENING CEREMONY OF KAMPUNG PERMATANG NIBONG UPCYCLE VILLAGE

Mayor of MBSP, YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud completed the opening of Permatang Nibong Upcycle Village. It is the first Upcycle Village in Seberang Perai. This recognition directly sets the village of Permatang Nibong as a role model not only to the citizens of Seberang Perai but also as 'showcase' to the delegates who visit Seberang Perai.



PENGIKTIRAFAN KEPADA AGENSI YANG TERLIBAT DENGAN BANTUAN BENCANA BANJIR NOVEMBER 2017



Datuk Bandar MBSP, YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud menyampaikan sijil dan plak penghargaan kepada 20 agensi Kerajaan, 7 agensi GLC serta 27 agensi swasta dan NGO atas bantuan dan jasa mereka ketika bencana banjir yang melanda Seberang Perai 7 November 2017 yang lalu.



RECOGNITION OF AGENCIES INVOLVED IN NOVEMBER 2017 FLOOD RELIEF

Mayor of MBSP, YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud presented certificates and plaques to 20 government agencies, 7 GLC agencies as well as 27 private agencies and NGOs for their assistance and services during the floods that hit Seberang Perai on the 7th of November 2017 previously.



KEJOHANAN PIALA DATUK BANDAR



Kejohanan Piala Datuk Bandar berlangsung pada 9 - 11 Oktober 2019 di Kompleks Sukan MBSP, Bertam Kepala Batas. Kejohanan ini terbuka kepada Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia dan agensi kerajaan. Sebanyak 14 pasukan telah menyertai kejohanan ini yang terdiri daripada 8 pasukan dari PBT, 3 pasukan dari MBSP dan 3 pasukan dari agensi kerajaan. Johan akan membawa pulang hadiah wang tunai RM5000 berserta piala pusingan. Manakala naib johan akan mendapat RM3000 dan tempat ketiga RM1000.

MAYOR'S CUP CHAMPIONSHIP



The Mayor's Cup Championship runs from October 9th – 11th, 2019 at the MBSP Sports Complex, Bertam Batas. The tournament was opened to Peninsular Malaysia's Local Authorities and government agencies. A total of 14 teams consisting of 8 teams from the local authorities, 3 teams from MBSP and 3 teams from government agencies participated in the tournament. Champion will bring home a RM5000 cash prize along with a challenged trophy. Meanwhile, the second place will receive RM 3,000 and third place RM 1,000.



MAJLIS CABUTAN BERTUAH DAN PENYAMPAIAN HADIAH SEMPENA PROMOSI CUKAI TAKSIRAN PENGGAL KEDUA 2019



Sebanyak 15 pemenang bagi kategori online/agens/bank dan 5 pemenang bagi kategori kaunter telah menerima hadiah dalam majlis ini. Hadiah telah disampaikan oleh Datuk Bandar dan Ahli Majlis MBSP.

LUCKY DRAW AND GIFT PRESENTATION IN CONJUNCTION WITH 2019 SECOND TERM ASSESSMENT RATES PROMOTION

A total of 15 winners for online/agency/bank categories and 5 winners for counter category received the prizes in this event. The gifts were presented by the Mayor and MBSP councilors.



PROGRAM RIADAH YBHG. DATUK BANDAR BERSAMA AHLI MAJLIS DAN KETUA-KETUA JABATAN MBSP SEMPENA PEMASYHURAN BANDARAYA, MBSP DI HUTAN LIPUR BUKIT MERTAJAM, CHEROK TO'KUN, BUKIT MERTAJAM





"SOFT LAUNCH MBSP ECO CORRIDOR"





PELANCARAN AMALAN SISA SIFAR TAMAN PERUMAHAN BAGAN LALANG



Program ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada Taman Bagan Lalang atas usaha yang telah dijalankan sejak penubuhan Pusat Sumber Alam Sekitar. Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang ini sangat aktif dalam menjalankan aktiviti pendidikan alam sekitar terutamanya program kitar semula. Sebagai penghargaan, sijil diberikan kepada para penduduk yang memberi komitmen dalam menjadikan kawasan perumahan ini sebagai kawasan perumahan sisa sifar. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Tuan Phee Boon Poh Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang Dan Alam Sekitar. Hadir sama, YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud, Datuk Bandar MBSP, Encik Tan Chee Teong Ahli Majlis MBSP dan Encik Lim Chee Keong, Pengerusi Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang.



LAUNCHING OF TAMAN BAGAN LALANG ZERO-WASTE MANAGEMENT PRACTICE



The programme aimed to give recognition to Taman Bagan Lalang their efforts carried out since the establishment of Environmental Resources Centre. The Taman Bagan Lalang Environmental Resources Center is very active in environmental education activities especially in recycling. As token of appreciation, a certificate was given to residents who were committed to making this residential area a zero-waste housing area. The opening ceremony was completed by YB Tuan Phee Boon Poh, Exco of Welfare, Caring Society and Environment. Also attended the ceremony were YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (MBSP Mayor), Mr. Tan Chee Teong (MBSP councilor) and Mr. Lim Chee Keong (Chairman of Taman Bagan Lalang Environmental Resources Center).



MAJLIS PENUTUP PROGRAM TRANSFORMASI MINDA



Datuk Bandar YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud hadir ke majlis penutup Program Transformasi Minda. Program ini anjuran bersama MBSP dengan Universiti Sains Malaysia dan telah diadakan selama 5 hari bermula 21 - 25 Oktober 2019 bertempat di Kompleks Sukan MBSP, Kepala Batas. Seramai 70 orang kakitangan yang terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan terlibat dalam program ini. Hadir sama YBhg. Datuk Dr Ahmad Yusoff Bin Hassan, Pengarah Pusat Transformasi Insan USM, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MBSP dan pegawai USM.

Closing Ceremony of the Mind Transformation Programme



Mayor YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud attended the closing ceremony of the Mind Transformation Programme. The programme was co-sponsored by MBSP with Universiti Sains Malaysia and has been held for 5 days from October 21st – 25th, 2019 at the MBSP Sports Complex, Kepala Batas. A total of 70 staffs from various service schemes were involved in this programme. Attended were YBhg. Datuk Dr Ahmad Yusoff bin Hassan, director of USM's Human Transformation Center, director of MBSP Management Services Department and USM officials.

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN PENDIDIKAN HIJAU DIGITAL SEKOLAH PIALA DATUK BANDAR



MAJLIS PERASMIAN PERAYAAN ULANG TAHUN KE-2 GROWTH COMMUNITY MARKET AUTO CITY, JURU





MAJLIS PERASMIAN PENJANAAN SISTEM TENAGA SOLAR ANUGERAH SEKOLAH HIJAU SEKOLAH KEBANGSAAN KEBUN SIREH

Datuk Bandar, YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud merasmikan Majlis Penjanaan Sistem Solar Anugerah Sekolah Hijau di Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh, Bukit Mertajam. Sistem solar ini merupakan hadiah kepada SK Kebun Sireh atas kemenangan sebagai Johan Anugerah Sekolah Hijau 2018 dan hadiah ini ditaja oleh syarikat Jinko Solar dan Pekat Solar. Semoga SK Kebun Sireh terus cemerlang dan dapat dicontohi oleh sekolah-sekolah yang lain.



OPENING CEREMONY OF SEKOLAH KEBANGSAAN KEBUN SIREH GREEN SCHOOL AWARD SOLAR ENERGY SYSTEM GENERATION



Mayor, YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud officiated the Green School Awards Solar System Generation Ceremony at Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh, Bukit Mertajam. The solar system was a prize to SK Kebun Sireh for winning the 2018 Green School Award and the prize was sponsored by Jinko Solar and Pekat Solar Company. May SK Kebun Sireh continue to excel and be exemplified by other schools.



MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH ANUGERAH SEKOLAH HIJAU 2019



MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN KUIZ KUALITI AIR SEKOLAH MENENGAH DI SEBERANG PERAI



Sebanyak 17 buah sekolah telah menyertai pertandingan ini. Johan bagi pertandingan ini telah dimenangi oleh SMK Tunku Abdul Rahman. Naib johan dimenangi oleh SMK Bandar Tasek Mutiara manakala SMK Taman Inderawasih pula mendapat tempat ketiga. Pemenang membawa pulang wang tunai beserta sijil. Hadiah telah disampaikan oleh Datuk Bandar YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamad. Tahniah diucapkan kepada semua pemenang!



PRIZE GIVING CEREMONY OF SECONDARY SCHOOL'S WATER QUALITY QUIZ CONTEST IN SEBERANG PERAI



A total of 17 schools participated in the contest. The champion of this contest was won by SMK Tunku Abdul Rahman. Second place was won by SMK Bandar Tasek Mutiara while SMK Taman Inderawasih came in third place. The winners brought home the cash prize and a certificate. The prizes were presented by the mayor, YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud. Congratulations to all the winners!



SAMBUTAN KITAR SEMULA KEBANGSAAN PERINGKAT SEBERANG PERAI

Majlis Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan Peringkat Seberang Perai diadakan pada 16 November 2019 bertempat di Megamall Pinang, Perai. Program ini merupakan platform kepada masyarakat untuk memahami kepentingan amalan kitar semula di samping menjadi pemangkin pembudayaan amalan kitar semula sebagai langkah penting dan berkesan dalam menguruskan sisa pepejal secara mampan. Perasmian telah disempurnakan oleh Datuk Bandar YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud.



NATIONAL RECYCLING CELEBRATION AT SEBERANG PERAI LEVEL

Seberang Perai National Recycling Day Celebration was held on November 16th, 2019 in Megamall Pinang, Perai. The programme was a platform for the community to understand the importance of practicing recycling as well as being a catalyst for the recycling practice culture as an important and effective step in managing solid waste sustainably. The opening was completed by the mayor, YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud.



PERTANDINGAN SNUKER MBSP TERTUTUP 2019




Seramai 44 orang peserta telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Snuker MBSP Tertutup 2019 ini. Pertandingan yang dianjurkan oleh Persatuan Kebajikan Sukan Dan Sosial MBSP (PESUKA) ini akan berlangsung selama 3 hari bertempat di Corner Pocket Snooker Centre, Bukit Mertajam. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Encik David Marshel A/L Pakianathan, Ahli Majlis MBSP.



2019 MBSP SNOOKER CLOSED TOURNAMENT

A total of 44 participants took part in the 2019 MBSP Indoor Snooker Closed Tournament. The tournament was organized by the MBSP Sports and Social Welfare Association (PESUKA) was held for 3 days at the Corner Pocket Snooker Center, Bukit Mertajam. The opening ceremony was officiated by Mr David Marshel A/L Pakianathan (MBSP councilor).



MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN KEBUN KEJIRANAN SEBERANG PERAI

Pertandingan Kebun Kejiranan Seberang Perai ini dianjurkan oleh Pasukan Kerja LA21 MBSP bertujuan untuk menggalakkan penduduk setempat menghasilkan bahan makanan untuk keperluan harian. Di samping itu, ianya dapat meningkatkan minat golongan muda terlibat dalam sektor pertanian dan memanfaatkan penggunaan teknologi terkini dalam projek pertanian yang diusahakan.

Sebanyak 30 kebun kejiranan di Seberang Perai telah mengambil bahagian dan 5 daripadanya telah terpilih sebagai pemenang. Berikut adalah senarai pemenang yang telah memenangi pertandingan ini :

Johan (RM1000) - Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Desa Damai

Naib Johan (RM800) - Rukun Tetangga Taman Keenways

Tempat Ketiga (RM500) - Rukun Tetangga Taman Sentosa / Bukit Ria

Saguhati (RM300) - Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah & Buddist Tze Chi Merita Society Malaysia Bukit Tambun

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Datuk Bandar YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Mohamud. Hadiah telah ditaja oleh syarikat Shence International.



PRIZE GIVING CEREMONY OF SEBERANG PERAI NEIGHBORHOOD GARDENING CONTEST



The Seberang Perai Neighborhood Gardening Contest was organized by MBSP's LA21 work force, aiming to encourage local residents to produce food supplies for their daily needs. In addition, it will increase the interest of young people to be involved in the agriculture sector and leverage the use of latest technology in their agricultural projects.

A total of 30 neighborhood's farms in Seberang Perai participated and 5 were selected as winners. Here is the list of winners who have won in this competition:

First prize (RM 1,000) - Taman Desa Damai Environmental Resources Centre

Second prize (RM 800) - Taman Keenways Neighborhood Watch

Third prize (RM 500) - Taman Sentosa / Bukit Ria Neighborhood Watch

Consolation prize (RM 300) - Kepala Gajah Residential Organization & Bukit Tambun Buddhist Tze Chi Merita Society Malaysia

The prize giving ceremony was completed by the mayor, YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Mohamud. The prizes were sponsored by Shence International company.



MAJLIS BAGI MERAIKAN PENCAPAIAN ANUGERAH YANG DITERIMA OLEH MBSP TAHUN 2019



Majlis ini diadakan bagi memberi penghargaan kepada warga kerja MBSP di semua peringkat atas sumbangan mereka dalam pencapaian anugerah-anugerah bagi MBSP sepanjang tahun 2019. Sijil penghargaan telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud, Datuk Bandar MBSP. Pihak Majlis mengucapkan tahniah dan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat.



CEREMONY TO CELEBRATE AWARDS ACHIEVEMENT RECEIVED BY MBSP IN YEAR 2019



The event was held to honor MBSP employees at all levels for their contribution in achieving the awards for MBSP throughout 2019. Certificate of appreciation was presented by YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud, mayor of MBSP. Ceremonial party wished congratulation and million thanks to all who were involved.



PROGRAM LAMAN KOMUNITI SATU BAYI SATU POKOK

Program Laman Komuniti Satu Bayi Satu Pokok di Vision Park Kepala Batas. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang. Sebanyak 200 batang anak pokok Ciku dan Durian Belanda telah ditanam oleh para peserta yang terdiri daripada kakitangan MBSP dan penduduk setempat. Program ini bertujuan mendidik orang ramai khususnya anak-anak supaya menghargai alam sekitar.



ONE BABY, ONE TREE COMMUNITY PROGRAMME



One Baby, One Tree Community Programme at Vision Park, Kepala Batas. The opening ceremony was officiated by YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (Penang Deputy Chief Minister I). About 200 Ciku and Soursop trees were planted by participants comprising of MBSP staffs and residents. The programme was aimed at educating the public and children, especially, about the taking care of the environment.



MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN HALAMAN RUMAH BERSIH & INDAH PERMATANG NIBONG 2019

Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Halaman Rumah Bersih Dan Indah ini diadakan sebagai tanda penghargaan di atas kejayaan penduduk Kampung Permatang Nibong yang telah berusaha untuk mencantikkan dan menjaga kebersihan kawasan perumahan masing-masing. Setiap rumah yang mengambil bahagian dinilai berdasarkan kebersihan halaman rumah, landskap, penanaman sayur-sayuran, penghasilan baja kompos dan pengasingan sisa di punca. Para peserta yang berjaya telah menerima sijil penghargaan dan hadiah barangan elektrik tajaan Syarikat South Island Garment Sdn. Bhd. Hadiah telah disampaikan oleh Datuk Bandar YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamad. Matlamat utama program ini adalah untuk menyemai amalan menjaga kebersihan di dalam dan luar rumah bagi menghindari pencemaran alam sekitar serta menceriakan kawasan persekitaran.



PRIZE GIVING CEREMONY OF PERMATANG NIBONG CLEAN & BEAUTIFUL HOME YARD CONTEST

The Clean and Beautiful Home Yard Contest prize giving ceremony was held as a tribute to the success of Kampung Permatang Nibong's residents who have strived to beautify and maintain the cleanliness of their respective residential areas. Each participating home is evaluated based on home cleanliness, landscaping, vegetable cultivation, compost production and waste segregation. The successful participants received a certificate of appreciation and gift of electrical appliances sponsored by South Island Garment Sdn. Bhd. The prize was presented by the Mayor, YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud. The main goal of the programme is to instill good hygiene practices both indoors and outdoors in order to avoid environmental pollution and to brighten up the environment.

